

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN DATU MANSUR [SILAM]
TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)
SOALAN : Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah penyelesaian terbaik yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam membantu pengusaha sarang burung walit di Malaysia daripada mengalami kerugian disebabkan sarang burung mereka tidak dapat dijual di pasaran tempatan dan penawaran harga yang rendah berbanding kos operasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Produk sarang burung walit adalah satu produk yang mana pasarannya 80% bergantung kepada pasaran eksport. Negara Republik Rakyat China (RRC) merupakan pengguna terbesar serta merupakan pasaran tradisional produk sarang burung walit Malaysia yang mana sejumlah 90% dari eksport sarang burung walit Malaysia ke luar negara adalah ke RRC dan seumpamanya seperti Hong Kong, Macau dan Taiwan. Manakala 10% lagi eksport sarang burung walit Malaysia ke negara-negara seperti Amerika, Australia, Itali dan Brunei.

Masalah kelembapan serta kejatuhan harga dalam pasaran SBW terutamanya diperingkat perladangan adalah kerana 2 faktor utama, iaitu;

- a. RRC telah memberhentikan import sarang burung walit kesan dari isu keselamatan makanan (isu kandungan Nitrite yang tinggi dalam sarang burung walit Malaysia). Keputusan RRC ini telah menyebabkan lambakan produk dalam Negara yang seterusnya mengakibatkan kejatuhan harga.

- b. manipulasi peraih dan pembeli sarang yang menyampai pelbagai berita palsu demi mengambil kesempatan menekan pengusaha perladangan untuk menjual sarang pada harga terlalu rendah. Penggunaan media masa dan laman sosial telah semakin melemahkan industri ini.

Namun begitu dalam tempoh 2 tahun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah berjaya menyelesaikan isu sekatan import dengan RRC dan 8 syarikat dari Malaysia telah pun diluluskan sebagai pengeksport sarang burung walit Malaysia ke RRC bermula 25 Disember 2013. MOA juga telah menghantar tambahan permohonan 15 syarikat pengeksport untuk kelulusan RRC.

Bagi memulihkan pasaran sarang burung walit Malaysia ini, MOA telah membina satu platform yang kukuh bagi menjadi penanda aras (*Benchmark*) kepada produk sarang burung walit seluruh dunia. Pengenalan sistem kualiti yang komprehensif bermula dengan pendaftaran ladang secara digital sehinggalah kepada sistem pelekat keselamatan produk bagi tujuan eksport telah memperoleh kepercayaan dari RRC. Keseluruhan platform yang disediakan untuk pengusaha merupakan yang pertama seumpamanya dalam industri sarang burung walit di seluruh dunia setanding dengan kedudukannya sebagai produk bernilai tinggi.